



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

**KELAYAKAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
MENGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN
BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan gred peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bagi maksud pelantikan ke perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Syarat lantikan ke perkhidmatan awam dengan menggunakan kelayakan STPM dinyatakan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1983 atau Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1986. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melaksanakan format keputusan dan penganugerahan gred STPM kepada pernyataan baru menggunakan NGMP berkuat kuasa mulai peperiksaan STPM tahun 2003. Format baru ini adalah selaras dengan sistem pernyataan keputusan peperiksaan yang digunakan di institusi pengajian tinggi awam dan program matrikulasi.

KAEDAH PELAPORAN PENCAPAIAN KEPUTUSAN STPM MENGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN

3. Format pernyataan keputusan peperiksaan STPM tahun 2003 melaporkan 11 gred iaitu A, A-, B+, B, B-, C+, C, C-, D+, D dan F. Nilai Gred Mata Pelajaran bagi 11 gred tersebut adalah seperti berikut:

Gred Mata Pelajaran	NGMP
A	4.00
A -	3.67
B +	3.33
B	3.00
B -	2.67
C +	2.33
C	2.00
C -	1.67
D +	1.33
D	1.00
F	0.00

SYARAT LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM DI PERINGKAT STPM MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN

4. Calon-calon yang memiliki Sijil STPM menggunakan NGMP boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan awam berdasarkan tahap kelulusan berikut:

4.1 lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran atas Gred C dengan NGMP 2.00 dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

4.2 lulus 2 mata pelajaran dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua mata pelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat:

- (a) Gred B dan B (NGMP 3.00 dan 3.00); atau
- (b) Gred B+ dan B- (NGMP 3.33 dan 2.67); atau
- (c) Gred A- dan C+ (NGMP 3.67 dan 2.33); atau
- (d) Gred A dan C (NGMP 4.00 dan 2.00).

atau

- 4.3 lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran atas Gred C (NGMP 2.00) dan 2 mata pelajaran atas Gred C-, D+ atau D (NGMP 1.67, 1.33 atau 1.00) serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.4 lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran yang berlainan atas Gred C (NGMP 2.00) dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

5. Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di perenggan 4.1, 4.2, 4.3 atau 4.4 adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan STPM yang menggunakan NGMP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

TINDAKAN PIHAK BERKUASA MELANTIK

6. Pihak Berkuasa Melantik hendaklah memasukkan kelayakan STPM seperti yang disebut di perenggan 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4 di atas dalam setiap iklan jawatan yang mensyaratkan kelulusan berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan sebagai syarat lantikan.

7. Walau apapun peruntukan yang tersebut di atas, kelayakan Sijil Penuh STPM/HSC atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau memenuhi kelayakan STPM mengikut sistem terbuka mulai tahun 1982 dan pindaannya pada tahun 1987 masih lagi terpakai bagi maksud pelantikan ke perkhidmatan awam. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1983 atau Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1986 mengikut mana yang berkenaan adalah berkaitan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.

PENUTUP

9. Pihak Berkuasa Melantik juga adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan surat pekeling perkhidmatan ini.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: 27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis DiRaja Malaysia
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan